



MSM cari peluang pengambilalihan

KUALA LUMPUR – Pengeluar gula, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) sedang aktif mencari peluang-peluang penggabungan dan pengambilalihan di seluruh dunia, sejajar dengan rancangan pengembangan syarikat itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Abod berkata, syarikat itu yakin dapat meluaskan pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik.

“Kita sekarang mengeksport beberapa produk ke pasaran antarabangsa termasuk Pakistan, Filipina, Vietnam dan Indonesia,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Sheikh Awab menjelaskan, syarikat itu mempunyai matlamat untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 1.2 juta tan pada 2014 daripada 950,000 tan pada masa ini.

Aktiviti utama MSM ialah membekalkan produk kepada industri utama seperti makanan dan minuman, termasuk manisan dan farmaseutikal.

“Untuk melengkapkan fokus utama kami, MSM secara strategik sedang menyasarkan pasaran khusus seperti hospitaliti dan industri runcit serta pengguna isi rumah,” ujarnya.

Selepas mencatatkan hasil yang memberangsangkan untuk tahun kewangan 2013, MSM berhasrat menceburi bidang pembekalan gula cair.